

20 AUG 1998

MAHATHIR-DEB

PRINSIP DEB DITERUSKAN DALAM PROGRAM PEMBANGUNAN NEGARA, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 20 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata kerajaan masih mengamalkan prinsip Dasar Ekonomi Baru (DEB) dalam merangka program pembangunan negara walaupun tempoh DEB tamat pada 1990.

Kerajaan akan terus memberi penekanan kepada pengagihan ekonomi yang seimbang kepada semua golongan masyarakat, katanya ketika berucap pada perasmian mesyuarat agung tahunan Persatuan Kontraktor Melayu Malaysia, di sini.

Beliau berkata walaupun Malaysia berdepan dengan kegawatan ekonomi, ia tidak mengalami sebarang rusuhan seperti yang berlaku di negara lain.

Walaupun kerajaan mengamalkan DEB, Dr Mahathir berkata beliau berasa kecewa apabila ada orang Melayu sendiri yang mengecam dasar itu, kononnya ia dirangka untuk orang tertentu yang menjadi kroni keluarga atau rapat kepada pemimpin negara.

"Sebenarnya, semua orang Melayu adalah kroni kerajaan. Tidak seorang pun orang Melayu yang tidak menikmati apa-apa pun di bawah DEB," tambahnya.

Dua teras utama DEB adalah membasmi kemiskinan dan menghapuskan identiti kaum berdasarkan kegiatan ekonomi mereka.

Semasa kegawatan ekonomi kini, Dr Mahathir menasihati orang ramai supaya tidak terlalu percaya kepada analisis-analisis yang disiarkan di dalam akhbar kerana ini dapat memburukkan lagi keadaan.

"Kita percaya mereka yang tidak bertanggung jawab telah membeli saham-saham kita pada harga yang murah dengan harapan dapat menguasai pasaran kita," tambahnya.

Katanya, cara lain termasuk melalui pelupusan aset iaitu menjual saham-saham dan harta sesebuah syarikat yang diambil alih.

Beliau berkata bahawa Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) sedang mengkaji perkara ini agar ia tidak memburukkan lagi keadaan ekonomi. --

BERNAMA

AA MFJ